

### **Pusat Sukan UMT sertai enam acara**

34 02/12/07 Pg.T22

#### **KUALA TERENGGANU**

- Pusat Sukan Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Mengabang Telipot, di sini akan menyertai enam acara yang akan dipertandingkan pada Sukan Terengganu (Sutera) II mulai 22 hingga 23 Disember depan.

Ketuanya, Riduan Mohamed Arof berkata, enam acara tersebut ialah kayak, hoki, badminton, bola tampar lelaki dan perempuan, olahraga dan sepak takraw.

"Kejohanan ini turut disertai atlet Sukan Malaysia (Sukma) negeri, jadi kami tidak mahu meletakkan sasaran yang terlalu tinggi kepada mereka tetapi lebih kepada persediaan untuk menghadapi karnival Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang akan bermula Januari ini," katanya.